

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT SETUJU
TERIMA (SST) OLEH YB MENTERI KERJA RAYA

Bismillahirrahmannirrahim

Terima kasih kepada saudara/saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berusaha Tuan Haji Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Pengurusan)

Yang Berusaha Encik Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar & Pembangunan)

Yang Berbahagia Datuk Ir. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sr. Abdull Manaf

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Pakar

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ir. Roslan Md Taha

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ir' Mohamad Hasnul bin Salleh

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Bangunan

Pengarah-pengarah Kanan

Pengarah-pengarah JKR Negeri

Wakil-wakil syarikat kontraktor yang bakal memperoleh surat setuju terima pada hari ini

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Selamat Tahun Baru 2016.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia – Nya dapat kita sama-sama hadir di Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima

kepada para kontraktor yang telah berjaya memperolehi kerja-kerja yang dipelawa oleh pihak Jabatan Kerja Raya baru-baru ini.

2. Majlis yang berlangsung pada hari ini, menandakan bahawa JKR telah bersedia untuk melaksanakan projek-projek RMK-11 yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sesungguhnya menerima SST merupakan satu detik kejayaan bagi seorang kontraktor. Ia seharusnya diraikan dengan majlis seumpama ini yang turut memperingati tanggungjawab yang bakal diharungi oleh kontraktor, iaitu menjelmakan apa yang disyaratkan oleh Kerajaan di dalam tender kepada bentuk fizikal, memenuhi Syarat Kontrak, dan akan memberikan kepuasan kepada penerima fasiliti ini nanti. Ia juga bertujuan untuk menghargai peranan kontraktor sebagai Rakan Kongsi Kerajaan dalam industri pembinaan negara, untuk sama-sama membangunkan negara tercinta melalui penghasilan projek yang bermutu tinggi, serta mencapai hasrat kerajaan yang telah mengeluarkan bajet dan hasrat pengguna yang akan menggunakan fasiliti tersebut.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Majlis Penyerahan SST pada hari ini akan melibatkan 20 projek yang terdiri daripada projek bangunan, projek infrastruktur dan perkhidmatan.

4. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar para kontraktor yang menerima SST pada hari ini dapat merancang dan melaksanakan kerja-kerja nanti dengan menggunakan sistem pengurusan projek yang cekap dan terperinci agar setiap proses kerja, penggunaan bahan, tenaga kerja, jentera dan aliran tunai di ambilkira dari awal lagi dan

tidak terkial-kial mencari sub kontraktor setelah menerima SST. Para kontraktor yang menerima SST pada hari ini adalah dipercayai dari kalangan yang terbaik dan berwibawa sehingga dapat menender dengan harga yang paling kompetitif. Diharap semuanya akan berazam memberikan yang terbaik, sesuai dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh kerajaan. Jangan hampakan harapan kami dan juga rakyat.

5. Para kontraktor perlu mematuhi setiap spesifikasi yang telah dinyatakan dalam kontrak. Ini termasuk pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina, meningkatkan mutu kerja pembinaan, mengurangkan berlakunya kecacatan (defect) serta risiko kemalangan di tapak bina.

6. Saya menjangkakan para kontraktor telah sedia maklum mengenai perkara ini di mana seharusnya tidak akan timbul sebarang masalah dalam memastikan kualiti dan audit pembinaan dapat dijalankan dengan menyeluruh serta efisien. Untuk makluman semua, menjelang tahun 2018, semua bangunan kerajaan akan dibina menggunakan piawaian daripada Pentaksir Kualiti Dalam Sistem Pembinaan (QLASSIC) .

7. Melalui peraturan ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memastikan setiap pemaju dan kontraktor menggunakan piawaian yang dikeluarkan QLASSIC sebelum sesebuah bangunan kerajaan dibina. Peraturan baharu ini diharap dapat menjamin kualiti sesebuah projek pembinaan bangunan selain mengelakkan kemungkinan berlakunya pengingkaran peraturan dan standard yang telah ditetapkan oleh kementerian. Peraturan baharu ini boleh mengurangkan kos apabila berlakunya kerja-kerja pembinaan yang

tidak mengikut peraturan. Ia juga boleh mengelakkan pembaziran wang rakyat selain mampu meningkatkan kualiti dalam sesuatu projek.

Hadirin sekalian,

8. JKR selaku agensi utama di bawah Kementerian Kerja Raya sedang berusaha untuk mentransformasikan Industri pembinaan melalui Program Transformasi Industri Pmbinaan (CITP). Program ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada 10 September 2015. CITP merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) bertujuan untuk mewujudkan industri pembinaan yang berterusan di negara ini dan mampu bersaing di arena antarabangsa. CITP adalah pelan pelaksanaan komprehensif yang merangkumi 18 inisiatif, daripada empat teras strategik iaitu Kualiti Keselamatan dan Profesionalisme (QSP), kemapanan alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan.

9. CITP telah menetapkan sasaran yang ingin dicapai seperti berikut :

- i. Kadar pertumbuhan sebanyak 10% setahun untuk industri pembinaan;
- ii. Meningkatkan produktiviti sebanyak 2.5 kali, daripada USD 7,000 bagi setiap pekerja pada tahun 2011 kepada USD 16,500.00 bagi setiap pekerja menjelang tahun 2020;
- iii. Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40% pada tahun 2020 daripada paras tahun 2005;

- iv. Meningkatkan sebanyak 10% kontraktor yang diiktiraf oleh Badan Bebas standard kesihatan dan keselamatan antarabangsa;
- v. Mewujudkan konsortium besar pelbagai disiplin untuk pasaran antarabangsa pada Disember 2018; dan
- vi. Meningkatkan keperluan kemampanan untuk kedua-dua projek awam dan swasta bagi memastikan pembinaan lebih berdaya tahan terhadap bencana alam.

10. Penggunaan sistem dan teknologi terkini seperti BIM (Building Information Modeling) dan IBS (Industrialized Building System) dalam sektor pembinaan secara meluas merupakan salah satu aktiviti yang digariskan dalam CITP. Usaha ini dapat memastikan industri pembinaan yang terbaik selain mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing. Dalam masa yang sama juga, saya ingin menyeru kepada semua kontraktor agar mencari inisiatif menggunakan teknologi-teknologi terkini yang terdapat di pasaran yang dapat membantu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kerja serta mempercepatkan masa. Saya mengharapkan agar kontraktor tidak hanya bergantung kepada kerajaan untuk mengetengahkan teknologi terkini tetapi turut sama membantu dalam memperkasakan industri pembinaan di negara kita.

11. Kelewatan penyerahan projek merupakan isu utama yang dihadapi oleh pihak JKR dan Kementerian Kerja Raya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam perkara ini menganggap ia sebagai suatu perkara yang sangat serius dan merupakan berita yang tidak disenangi oleh para pelanggan. Ini dapat dilihat melalui Projek Pembinaan Hospital

Shah Alam, Projek Pembinaan Fakulti Pergigian UiTM Sungai Buloh dan Projek Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2). Perkara ini telah dibangkitkan semasa Sidang Parlimen, mendapat liputan media-media utama seperti akhbar tempatan dan televisyen serta media sosial. Pelbagai tafsiran yang negatif telah dilemparkan yang sebenarnya adalah rintihan daripada rakyat sendiri.

12. Mengikut analisis projek lewat pada 30 November 2015, 65% projek sakit dalam peringkat pembinaan adalah disebabkan oleh kelemahan pengurusan kontraktor di tapak bina termasuk aliran kewangan, masalah mendapatkan tenaga kerja mahir dan juga kelemahan dalam perancangan kerja kontrak di tapak bina. Perkara-perkara lain yang turut menjadi punca adalah isu kelewatan pengambilan tanah bagi projek jalan, kelewatan kelulusan pihak berkuasa, masalah berkaitan dengan syarikat utiliti, cuaca yang luar biasa dan juga masalah teknikal dan kerumitan dalam pembinaan.

13. Justeru, saya mengharapkan agar para kontraktor yang hadir pada hari ini dapat menyiapkan projek masing-masing mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Dalam masa yang sama juga saya berharap agar kualiti yang dihasilkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak serta mengamalkan budaya keselamatan yang diterapkan melalui kempen yang dilaksanakan oleh kementerian dan CIDB.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Mengimbas kembali RMKe10 yang baru melabuhkan tirainya, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM32 bilion. Daripada jumlah ini,

JKR telah membelanjakan sebanyak RM30 bilion (96%). Bagi prestasi fizikal pula, sehingga penghujung RMKe10 , JKR telah melaksanakan 5,498 projek. Daripada bilangan ini, JKR telah menyiapkan 4,764 (86%) projek berkenaan. Diantara projek-projek utama yang telah disiapkan oleh JKR dalam RMKe10 adalah :

- National Cancer Institute (NCI) (RM 700 juta)
- Kompleks Istana Negara (RM 850 juta)
- Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (RM 2.8 billion)
- Kedutaan Malaysia di Islamabad (RM77 juta)
- Kedutaan Malaysia di New Delhi (RM 122 juta)
- Hospital Shah Alam (300 Katil) (RM 556 juta)
- Menara Kerja Raya (KKR 2) (RM 330 juta)
- Kerja-kerja Naiktaraf di Hospital Kuala Lumpur (RM 220 juta)
- Fakulti Pergigian UiTM Sg. Buloh (RM 76 juta)
- Naiktaraf Hospital Kangar (RM 194 juta)
- Hospital Alor Gajah (78 Katil) (RM 115 juta)
- Hospital Tampin (108 Katil) (RM 137 juta)
- Hospital Rompin (60 katil) (RM 115 juta)
- Central Spine Road (CSR) – (RM 6.7 billion) (setakat ini sepanjang 40km daripada 390km jalan telah siap dibina)
- Dataran Pahlawan (RM 45 juta)
- Institut Halal Malaysia (RM 21 juta)

Manakala baki sebanyak 734 projek sedang dalam peringkat pra-pembinaan dan peringkat pembinaan.

15. Bagi projek-projek baru RMKe11 Rolling Plan Pertama pula, buat masa kini JKR telah menerima 37 projek baru daripada pelbagai agensi Pelanggan. JKR telah memulakan Fasa Perancangan pelaksanaan projek-projek ini bagi memastikan projek yang menggunakan pelan piawai atau pelan PAP akan dimulakan pelaksanaannya dalam tahun ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sesungguhnya, para kontraktor yang memperoleh surat setuju terima pada hari ini secara tidak langsung merupakan duta kepada projek pembangunan kerajaan dalam industri pembinaan negara. Dalam masa yang sama, mereka juga merupakan duta bagi usahawan-usahawan bumiputra. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar setiap kerja yang dijalankan adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang terdapat dalam kontrak kerja serta dapat mematuhi setiap peraturan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Penguatkuasa dan agensi tempatan yang berkaitan.

17. Saya amat berharap agar saya tidak akan mengadakan lawatan kerja ke tapak-tapak projek tuan-tuan/puan-puan kerana faktor kelewatan atau masalah “projek sakit”, tetapi lawatan atau acara yang positif seperti Majlis Penyerahan Projek kepada pihak pelanggan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh